

Maksim Kesantunan sebagai Strategi Menghindar dalam Komunikasi: Sebuah Kes dalam Perkumpulan Warga Surakarta

Agus Hari Wibowo

Universitas Sebelas Maret, Jebres, Kota Surakarta, Jawa Tengah 57126, Indonesia

ABSTRAK

Makalah ini memerikan strategi komunikasi pada perkumpulan warga (RW) di sebuah kampung di Bandar Surakarta, Provinsi Jawa Tengah, Indonesia. Kajian ini merupakan kajian pragmatik dengan merujuk kepada teori kesantunan yang dikemukakan oleh Leech (1983). Hasil pengamatan menunjukkan bahawa penutur bahasa dalam kegiatan mesyuarat dalam perkumpulan warga (RW) cenderung untuk menggunakan maksim kesantunan, iaitu maksim kebijaksanaan: minimumkan kos kepada pihak lain dan maksimumkan manfaat kepada pihak lain, maksim kedermawanan: minimumkan manfaat kepada diri sendiri dan maksimumkan kos kepada diri sendiri, maksim penghargaan: minimumkan celaan pada orang lain dan maksimumkan pujian kepada orang lain, maksim kerendahan hati: minimumkan pujian terhadap diri sendiri dan maksimumkan celaan terhadap diri sendiri, maksim persetujuan: minimumkan ketidaksetujuan antara diri sendiri dengan orang lain, dan maksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain, dan maksim simpati: minimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan maksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Matlamat daripada penggunaan prinsip kesantunan tersebut untuk menghindari tugas yang akan diberikan.

Kata kunci: List strategi, komunikasi, pragmatik, maksim kesantunan

The Employment of Politeness Maxims as a Communication Strategy to Avoid Tasks: A Case Study in Community Group in Surakarta

ABSTRACT

This paper attempts to describe the communication strategy conducted by the members of the Community Group (Rukun Warga) in a 'Kampong' in Surakarta City, Central Java Province, Indonesia. This study is a pragmatics study focusing on the employment of maxims as the realization of politeness principles proposed by Leech (1983). The data of the study are the language expressions of the members of the Community Group in the internal monthly-

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

ahw@uns.ac.id, agushariwibowo@gmail.com

(Agus Hari Wibowo)

meeting. From the participant observations it shows that speakers in the meeting of the Community Group (RW) tend to use all the maxims of politeness, namely tact maxim, generosity maxim, approbation maxim, modesty maxim, agreement maxim, and sympathy maxim. The hidden purpose of employing these politeness principles is in fact a communication strategy to avoid tasks that might be given.

Keywords: Strategy, communication, pragmatics, politeness maxims

PENGENALAN

Strategi berkomunikasi merupakan hal yang sangat menarik untuk dikaji. Komunikasi boleh berupa komunikasi dua arah atau komunikasi kepada orang ramai atau komunikasi massa. Konteks situasi juga menentukan model strategi komunikasi yang digunakan, dalam erti komunikasi dalam konteks tertentu, dengan partisipan tertentu, atau antara dua orang tentunya akan berbeza dengan komunikasi oleh orang ramai. Dalam komunikasi tentu sahaja diharapkan berjalan dengan baik, efektif serta juga mengamalkan prinsip kesantunan.

Makalah ini akan membahas jenis komunikasi yang dilakukan oleh orang ramai dalam bentuk mesyuarat sebuah lembaga. Lembaga yang dimaksud ialah Perkumpulan Warga atau Rukun Warga (RW) di sebuah kampung di Kelurahan Mojosongo, Bandar Surakarta. Rukun Warga (RW) ialah lembaga kemasyarakatan dan rakan kongsi pemerintahan regional yang berperanan dalam memelihara nilai kehidupan bermasyarakat yang berasaskan semangat saling menyokong dan kekeluargaan, dalam kerangka menumbuhkan ketenteraman dan ketertiban dalam kehidupan bermasyarakat. Latar belakang pemilihan objek kajian ini dilandasi oleh pengalaman penulis sebagai salah seorang pengurus dalam RW yang menemukan hal menarik untuk dikaji dari sudut pandangan bahasa dan komunikasi. Hal menarik yang dimaksud ialah gaya komunikasi dan penggunaan bahasa oleh para penutur dalam acara mesyuarat tersebut.

Berkait dengan strategi berkomunikasi, penulis pernah mengkaji tentang strategi komunikasi dalam siaran pedesaan pada stesen radio RRI (Radio Republik Indonesia) Surakarta Wibowo (2006). Dalam kajian tersebut, tampak bahawa para penutur bahasa menggunakan strategi komunikasi dengan mengeksplotasikan unsur sosiopragmatik agar komunikasi berlaku secara efektif. Berkait dengan kesantunan, Rahardi (2005) mengkaji kesantunan imperatif bahasa Indonesia.

Prinsip kesantunan yang dimajukan oleh Leech (1983) mungkin dianggap sudah terlalu lama untuk dikaji lagi. Tetapi penulis mempunyai alasan mengapa mengkaji prinsip kesantunan yang sudah lama dan pasti sudah banyak dikaji oleh para penyelidik. Pengalaman penulis sebagai setiausaha Rukun Warga (RW) selama 8 tahun dan sebagai Ketua RW dalam masa 2 tahun membuat penulis tertarik untuk mengungkapkan bagaimana model komunikasi dalam perkumpulan warga tersebut.

PERSOALAN KAJIAN

Makalah ini ingin membahas berkaitan dengan penggunaan maksim kesantunan dalam mesyuarat perkumpulan warga RW yang secara lebih rinci dihuraikan sebagai berikut:

1. Bagaimanakah penggunaan maksim kesantunan Leech dalam mesyuarat perkumpulan warga kampung?
2. Apakah ada makna lain di sebalik nilai kesantunan dalam pertuturan yang dilakukan dalam mesyuarat perkumpulan warga kampung?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Menghuraikan maksim kesantunan yang digunakan dalam pertuturan mesyuarat perkumpulan warga kampung
2. Meneroka makna di sebalik tuturan yang mengandungi maksim kesantunan Leech yang diungkapkan dalam mesyuarat warga kampung

KAJIAN LITERATUR

Untuk memberikan gambaran tentang hal yang berkaitan dengan makalah ini, kajian literatur akan membahas komunikasi dan bahasa, pragmatik, dan kesantunan.

Komunikasi dan Bahasa

Sebagai makhluk sosial, komunikasi dan bahasa merupakan dua hal yang sangat penting dalam interaksi sesama manusia. Wilson (1995:11) mengatakan bahawa komunikasi merupakan proses yang mencakup pemilihan dan penyampaian simbol sedemikian rupa sehingga boleh membantu penerima mesej memperoleh makna yang sama dengan apa-apa yang dimaksudkan oleh pengirim mesej. Dengan perkataan lain, melalui komunikasi, seseorang pengirim mesej boleh mengirimkan mesej yang boleh ditanggap oleh penerima mesej dengan persepsi yang sama. Lebih lanjut, Murray (1995) menyarankan untuk memperhatikan konteks situasi, iaitu hubungan antara situasi dengan bahasa yang digunakan.

Untuk kepentingan komunikasi itulah diperlukan peranan bahasa. Trudgil (1977) mendedahkan bahawa bahasa tidak hanya sekadar sarana mengkomunikasikan suatu subjek, namun lebih daripada itu untuk membangunkan dan menjaga hubungan dengan manusia. Bahasa merupakan anugerah Allah SWT yang luar biasa, dan kepemilikan bahasa itulah yang membezakan antara manusia dengan makhluk ciptaan Allah yang lain. Kerana sifat bahasa yang unik itulah yang mendorong para pakar bahasa mengadakan kajian tentang bahasa dari pelbagai aspek yang tiada habisnya untuk sentiasa dikaji.

Pragmatik

Ada berbagai-bagai definisi pragmatik. Yule (1996) mendedahkan bahawa pragmatik itu mengkaji makna kontekstual; bagaimana sesuatu itu lebih banyak yang dikomunikasikan daripada apa yang sebenarnya diujarkan. Thomas (1995) seperti yang dipetik oleh Gunarwan (2004) mengatakan bahawa pragmatik ialah kajian tentang makna dalam interaksi. Biasanya, dalam pragmatik, istilah ujaran dipakai sebagai ganti ayat dengan

alasan bahawa istilah ayat sudah terlanjur dipakai sebagai satuan dalam tatabahasa. Tatabahasa berkaitan dengan kaedah penggunaan (*rules of usage*), sedangkan pragmatik berkaitan dengan prinsip penggunaan dalam erti *principle of use*. Tuntasnya, perbezaan antara tatabahasa (yang meliputi fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik) dengan pragmatik berkisar pada perbezaan antara kaedah dengan prinsip itu.

Dalam analisis bahasa, peranan pragmatik sangat diperlukan apabila kita menginginkan hal yang lebih mendalam, lebih lengkap dan lebih sahih tentang perilaku bahasa manusia (Mey, 1993: 7). Makna ujaran diperoleh tidak hanya daripada makna kalimat yang diucapkan, tetapi lebih jauh boleh dimaknai secara lebih dengan melihat konteks yang melingkupinya.

Seterusnya Mey (1993: 42) mengungkapkan bahawa pragmatik ialah *the study of conditions of human language uses as these are determined by the context of society*. Ertinya, pragmatik ialah sebuah kajian tentang keadaan penggunaan bahasa manusia sebagaimana ditentukan oleh konteks masyarakat.

Prinsip Kesantunan

Leech (1983: 132) mengajukan maksim yang menjadi prinsip kesantunan kepada enam jenis:

1. Maksim kebijaksanaan (*tact maxim*): Minimumkan kos kepada pihak lain dan maksimumkan manfaat kepada pihak lain (*Minimize cost to other. Maximize benefit to other*)
2. Maksim kedermawanan (*generosity maxim*) : Minimumkan manfaat kepada diri sendiri dan maksimumkan kos kepada diri sendiri (*Minimize benefit to self. Maximize cost to self*)
3. Maksim penghargaan (*Approbation maxim*): Minimumkan celaan pada orang lain dan maksimumkan pujian kepada orang lain (*Minimize dispraise. Maximize praise of other*)
4. Maksim kerendahan hati (*Modesty maxim*): Minimumkan pujian terhadap diri sendiri dan maksimumkan celaan terhadap diri sendiri (*Minimize praise of self. Maximize dispraise of self*)
5. Maksim persetujuan (*Agreement maxim*) : Minimumkan ketidaksetujuan antara diri sendiri dengan orang lain dan maksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain (*Minimize disagreement between self and other. Maximize agreement between self and other*)
6. Maksim simpati (*Sympathy maxim*): Minimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan maksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain (*Minimize antipathy between self and other. Maximize sympathy between self and other*)

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kes yang berlaku pada salah satu Perkumpulan Warga di kampung Mojosongo, Bandar Surakarta. Fokus kajian adalah melihat fenomena penggunaan maksim kesantunan Leech dalam ungkapan para partisipan dalam mesyuarat perkumpulan warga. Data diperoleh pada beberapa mesyuarat perkumpulan warga pada 2015.

Mesyuarat perkumpulan warga berlangsung manakala ada agenda khas yang perlu dibahas oleh pengurus Perkumpulan Warga atau disebut dengan Rukun Warga (RW) dan pengurus Perkumpulan Tetangga atau disebut dengan Rukun Tetangga (RT). Dalam mesyuarat biasanya diikuti oleh lebih kurang 15 orang partisipan yang terdiri daripada pengurus RW dan pengurus RT, baik lelaki mahupun wanita.

Bahasa yang digunakan dalam mesyuarat ialah bahasa Jawa dan bahasa Indonesia. Sebenarnya, menurut peraturan pemerintah, bahasa yang digunakan dalam pertemuan rasmi ialah bahasa Indonesia. Akan tetapi, dalam rangka menjaga kelestarian bahasa daerah, dalam hal ini bahasa Jawa, mesyuarat pada tingkat perkumpulan warga juga menggunakan bahasa Jawa. Oleh sebab itu, data kajian ini juga menyertakan bahasa Jawa sebagai salah satu unsur penyokong kajian.

Data kajian ini diperoleh daripada 3 (tiga) mesyuarat yang berkaitan dengan agenda pembahasan pemilihan calon ahli di lembaga kelurahan atau kepanitiaan pada peringkat Rukun Warga :

1. Mesyuarat untuk memilih calon ahli dalam Lembaga Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat tingkat Kelurahan
2. Mesyuarat untuk memilih calon ahli dalam Lembaga Pemberdayaan Masyarakat Kota (LPMK) tingkat Kelurahan
3. Mesyuarat untuk menjadi Ketua Penganjur Peringatan Kemerdekaan RI tingkat RW

Teknik pemerolehan data dilakukan melalui pemerhatian dan perakaman selama berlangsung pertemuan mesyuarat. Selama mesyuarat, penulis memperhatikan dan mencatat ungkapan para peserta mesyuarat ketika mereka menyampaikan pendapatnya. Ungkapan yang dipilih ialah ungkapan yang berkaitan dengan penggunaan maksim kesantunan Leech. Setelah dirakam dan diklasifikasikan jenis maksim yang digunakan, langkah selanjutnya adalah melihat lebih jauh maksud daripada ungkapan tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Merujuk kepada objektif kajian tentang penerapan maksim kesantunan serta makna di sebalik ungkapan tersebut, berikut ini ialah hasil yang diperoleh daripada analisis berdasarkan data yang ada.

1. Maksim Kebijaksanaan (*tact maxim*)

Prinsip dasar maksim kebijaksanaan dalam prinsip kesantunan adalah bahawa para partisipan pertuturan berpegang kepada prinsip untuk selalu mengurangkan keuntungan dirinya sendiri dan memaksimumkan keuntungan pihak lain dalam aktiviti bertutur, sebagaimana dalam contoh:

Partisipan A: *“Pak, nanti berkasnya saya hantarkan ke rumah Bapak “*

Partisipan B: *“Tidak usah repot-repot Pak.”*

Konteks tuturan ini adalah berasal daripada mesyuarat tentang pemilihan Ketua Penganjur Peringatan Kemerdekaan. Dalam tuturan tersebut, partisipan A berjanji akan menghantarkan bahan ke rumah partisipan B. Partisipan A telah mengamalkan prinsip maksim kebijaksanaan dengan cara memaksimumkan keuntungan kepada partisipan B. Di sebalik peristiwa tersebut, partisipan A dengan senang hati memaksimumkan keuntungan kepada partisipan B kerana Partisipan A berasa beruntung tidak terpilih sebagai ketua penganjur. Sebagai kompensasinya beliau secara sukarela membawakan bahan kepada partisipan B.

2. Maksim Kedermawanan (*generosity maxim*)

Maksim kedermawanan atau maksim kemurahan hati bermakna bahawa untuk memberikan penghormatan kepada orang lain, penutur dapat mengurangkan keuntungan bagi dirinya sendiri dan memaksimumkan keuntungan bagi pihak lain. Penerapan maksim kedermawanan dapat dilihat pada contoh tuturan berikut ini.

Partisipan A: *“Kalau Bapak menjadi Ketua, nanti saya siap untuk membantu dan diperintah Apapun oleh ketua.”*

Partisipan B: *“Betul Pak, Bapak memerlukan apa, nanti kita akan siap “*

Partisipan C: *“ Baiklah kalau disepakati saya setuju.”*

Konteks tuturan tersebut ialah Mesyuarat pemilihan Ketua Penganjur Peringatan Hari Kemerdekaan RI. Partisipan A memberikan penghormatan kepada partisipan C. Sama halnya, partisipan B turut memberikan sokongan dan siap membantu kepada partisipan C. Dilihat daripada ungkapan yang disampaikan, partisipan B memaksimumkan keuntungan bagi partisipan C, iaitu hak untuk memberikan perintah apabila bersedia menjadi Ketua Penganjur. Partisipan B juga mengurangkan keuntungan bagi dirinya, iaitu bersedia membantu dan siap untuk diperintah dalam kepanitiaan. Dari sini boleh disimpulkan bahawa partisipan A dan B telah menerapkan maksim kedermawanan, iaitu, bersedia membantu dan siap diperintah. Namun demikian, di sebalik ungkapan kedermawanan tersebut, partisipan A dan B berharap mereka terhindar dari kemungkinan dipilih menjadi Ketua Penganjur. Dengan perkataan lain, penerapan maksim penghargaan digunakan untuk menghindarkan diri dari tugas yang akan diberikan.

3. Maksim Penghargaan (*approbation maxim*)

Maksim penghargaan menegaskan bahawa seorang penutur akan dapat dianggap santun apabila dalam bertutur selalu berusaha memberikan penghargaan kepada pihak lain, dengan tidak saling mengejek, atau saling merendahkan pihak lain. Penutur yang sering merendahkan peserta tutur lain dalam kegiatan bertutur akan dikatakan sebagai orang yang tidak sopan dan tidak menghargai orang lain. Pelaksanaan maksim penghargaan dapat dilihat pada contoh berikut ini:

Partisipan A: *"Ibu lebih cocok menjadi ahli di LPMK ."*

Partisipan B: *"Mengapa harus saya."*

Partisipan A: *" Kerana Ibu memiliki kemampuan, pengalaman, berorganisasi, dan terlebih lagi lembaga memprioritaskan perempuan."*

Konteks tuturan tersebut ialah mesyuarat untuk memilih calon ahli di lembaga LPMK. Partisipan A menggunakan maksim penghargaan dengan menunjukkan kelebihan dan pujian yang dimiliki partisipan B. Dengan perkataan lain, Partisipan A telah secara santun menerapkan prinsip maksim penghargaan kepada partisipan B. Namun demikian, di sebalik ungkapan santun berupa maksim penghargaan, partisipan A mempunyai rencana yang tidak tampak, iaitu menghindarkan diri untuk dipilih sebagai calon ahli LPMK daripada unsur RW.

4. Maksim Kesederhanaan(*modesty maxim*)

Dalam maksim kesederhanaan atau maksim kerendahan hati, peserta tutur diharapkan dapat bersikap rendah hati dengan cara mengurangkan pujian terhadap dirinya sendiri. Orang akan dikatakan sombong dan congkak hati jika dalam kegiatan bertutur selalu memuji dan mengunggulkan dirinya sendiri. Pelaksanaan maksim kesederhanaan atau maksim kerendahan hati dapat dilihat pada contoh tuturan berikut ini.

Partisipan A: *"Nanti Bapak menjadi wakil PNMP ya."*

Partisipan B: *"Waduh, apa saya mampu ya"*

Dalam contoh di atas, partisipan B tidak menjawab dengan: *"Iya jelas saya, siapa lagi kalau bukan saya."* yang menunjukkan kesombongan, namun mengurangkan pujian terhadap dirinya sendiri dengan menjawab dengan, *" Waduh, saya apa mampu ya."* Ada dua kemungkinan makna di sebalik ungkapan tersebut. Pertama, partisipan masih berharap untuk tidak dipilih, dan yang kedua, partisipan telah menunjukkan rasa santunnya dengan mengamalkan maksim kerendahan hati.

5. Maksim Kesepakatan (*Agreement Maxim*)

Maksim ini menekankan bahawa para peserta tutur dapat saling membina keserasian atau kemufakatan dalam kegiatan bertutur. Apabila dicapai kesepakatan antara diri penutur dengan rakan kongsi tutur dalam kegiatan bertutur, masing-masing mereka boleh dikatakan bersikap santun. Pelaksanaan maksim kesepakatan dapat dilihat pada contoh tuturan berikut ini.

Partisipan A: *"Bagaimana kalau Bapak D kita angkat sebagai Ketua Penganjur Peringatan HUT Kemerdekaan RI?"*

Partisipan B: *'Setuju Pak, beliau memang orang yang tepat.'*

Partisipan C: *Baik Pak, kalau memang ditugasi, Insyaallah kami laksanakan"*.

Konteks pertuturan ini ialah kesepakatan penunjukan Ketua Penganjur Peringatan Kemerdekaan RI. Mengapa partisipan B dan C setuju. Di samping mengamalkan maksim permufakatan, partisipan B dan C akan terbebas daripada kemungkinan terpilih sebagai ketua penganjur peringatan.

6. Maksim Kesimpatian(*Sympathy Maxim*)

Dalam maksim kesimpatian, partisipan dapat memaksimumkan sikap simpati kepada pihak lain. Apabila mitra tutur memperoleh kejayaan atau kebahagiaan, penutur sebaiknya memberikan ucapan tahniah. Sebaliknya, apabila mitra tutur mendapat kesusahan, atau musibah penutur perlu menyampaikan ungkapan kesedihan sebagai tanda bentuk rasa simpati. Sikap antipati terhadap salah satu peserta tutur akan dianggap tindakan tidak santun. Pelaksanaan maksim kesimpatian dapat dilihat pada contoh tuturan berikut ini.

Partisipan A: *“Mohon maaf, untuk menjadi ahli LPMK nampaknya berat bagi saya. Pertama, tugas saya sebagai pegawai kerajaan sangat menyita waktu saya. Di samping itu saya sekarang sedang menempuh sekolah SI .”*

Partisipan B: *“Pak Ketua, kita memahami memahami kesibukan Bapak “A”, mohon beliau tidak dibebani menjadi calon ahli LPMK”*

Partisipan C: *“Baik kalau keadaan seperti itu, kita tidak menugaskan Bapak ‘A’ sebagai calon ahli LPMK”*

Pada konteks pertuturan tersebut, partisipan B menyampaikan rasa simpati berkaitan beban yang harus ditanggung oleh partisipan A. Boleh dikatakan bahawa partisipan B telah mengamalkan prinsip maksim kesimpatian. Walau bagaimanapun, sebenarnya ungkapan daripada partisipan A menunjukkan bahawa beliau menghindarkan diri daripada amanah tugas yang mungkin akan dibebankan kepada beliau.

IMPLIKASI

Dalam subbahagian dapatan dan perbincangan, boleh ditarik kesimpulan sementara bahawa para partisipan dalam mesyuarat perkumpulan warga telah mengamalkan prinsip kesantunan yang diwujudkan dalam pelbagai maksim kesantunan. Para penutur atau partisipan lebih sering menunjukkan kerendahan dirinya dan lebih memberikan penilaian yang tinggi kepada mitra tuturnya.

Fenomena merendahkan diri dalam komunikasi ternyata tidak hanya berlaku pada waktu mesyuarat, melainkan juga berlaku pada konteks situasi yang berbeza. Pada acara hajatan warga, misalnya *aqiqah* atau majlis perkahwinan, seorang pemuka agama dalam memberikan nasihat kepada mempelai atau kepada tuan rumah juga seringkali mengamalkan prinsip kesantunan ini. Beliau akan menyampaikan ungkapan yang mengangkat tinggi tuan rumah dan merendahkan dirinya.

Contoh: *Kula wonten mriki punika awit dipun dhawuhi dening Bapak.... Amargi dipun dhawuhi kula wonten saged suwala namun sendika dhawuh (Bahasa Jawa).* (Saya hadir di sini karena disuruh oleh Bapak... Kerana disuruh, saya tidak boleh menolak, selalu siap sedia). Konteks ujaran tersebut berlaku umum meskipun tuan rumah rumah secara

strata sosial boleh di atas mahupun di bawah strata sosial penceramah agama. Hal ini menunjukkan bahawa penceramah agama memiliki kompetensi komunikasi yang tinggi dengan menerapkan prinsip kesantunan sebagaimana dibahas.

Sebagai tambahan, indikator perwujudan bentuk kesantunan ialah ketidaklangsungan (*indirectness*) (Gibbon, 2009). Ungkapan yang disampaikan secara tidak langsung menunjukkan rasa santun dalam bertutur, semakin tidak langsung, semakin santun tuturan tersebut. Hanya diperlukan kemampuan yang lebih untuk dapat memahami ketidaklangsungan tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan daripada huraian di atas, ada beberapa hal yang boleh ditarik sebagai kesimpulan.

1. Maksim kesantunan Leech dalam bentuk Maksim kebijaksanaan, Maksim kedermawanan, Maksim penghargaan, Maksim kerendahan hati, Maksim persetujuan, Maksim kesimpatian telah diamalkan oleh para partisipan dalam mesyuarat Perkumpulan Warga.
2. Selain memenuhi kriteria maksim kesantunan, ada maksud yang tersirat daripada ujaran tersebut. Para partisipan berusaha menghindarkan diri daripada tugas yang harus dilaksanakan. Usaha untuk menghindar tersebut didasarkan atas keengganan untuk melaksanakan tugas tersebut oleh sebab para partisipan sudah memiliki tugas pekerjaan lain yang menjadi kewajipan utamanya, kerana pada asasnya pengurus Rukun Warga dan Rukun Tetangga merupakan tugas sosial dalam masyarakat.

Perlu ditambahkan di sini bahawa, prinsip kesantunan sebagaimana telah dibahas dilandasi oleh sikap mental masyarakat Jawa, iaitu pilosofi “KURMAT” (rukun dan hormat). Masyarakat Jawa cenderung untuk mengkompromikan hal yang perlu dirembuk dalam rangka menjaga kerukunan. Di samping rukun, masyarakat Jawa juga menjunjung tinggi prinsip saling menghormati orang lain yang secara linguistik diwujudkan dalam strata bahasa Jawa.

Sebagai akhir pembahasan, kertas kerja ini bersifat kajian kes yang berlaku pada waktu mesyuarat di kampung tempat tinggal penulis. Oleh sebab itu, kesimpulan tidak berlaku pada situasi masa dan tempat yang berbeza. Di samping itu, data diperoleh melalui pemerhatian dan perakaman yang tidak berlaku sebagaimana penyelidikan yang dilakukan secara rinci.

BIBLIOGRAFI

- Gibbons, J. (2008). Mitigation on the minibus politeness as variable. *Journal of Asian Pacific Communication*, 18 (2), 157-165.
- Gunarwan, A. (2004). *Pragmatik, kebudayaan, dan pengajaran bahasa*. Kertas kerja yang dibentangkan di seminar Pragmatik di Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. Essex: Longman.
- Mey, J. L. (1993). *Pragmatics: An introduction*. Oxford: Blackwell.

- Murray, D. E. (1995). *Knowledge machine: Language and information in a technological society*. New York: Longman
- Rahardi, R. K. (2005). *Pragmatik, kesantunan imperatif bahasa Indonesia*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction*. New York: Longman.
- Trudgil, P. (1977). *Sociolinguistics: An introduction to language and society*. Harmondsworth: Pelican.
- Wibowo, A. H. (2006). "Strategi Menyusun Dialog yang Efektif untuk Siaran Pedesaan RRI Surakarta" proceeding Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya (KOLITA), Jakarta.
- Wilson, S. L. (1995). *Mass Media/Mass Culture: An introduction*. New York: McGraw-Hill
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.